

KML anjur Kursus Pengenalan Program SPSS

UB 24.1.2014 A6

LABUAN: Seramai 30 guru sekitar Wilayah Persekutuan Labuan dan pensyarah dari Kolej Matrikulasi Labuan (KML) mengikuti Kursus Pengenalan Statistic Package for Social Science (SPSS) dan Asas Analisis Data Statistik. Kursus yang berlangsung selama sehari itu dijalankan pada 19 Januari lalu di

Makmal Komputer 5 KML.

Kursus anjuran KML itu bertujuan memberi pendedahan kepada tenaga pengajar sekitar Labuan untuk menguasai ilmu analisis data statistik yang boleh diaplikasikan semasa membuat penyelidikan.

Kursus itu dikendalikan

oleh Dr Ferlis Bullare @ Bahari, Pensyarah Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial (SPKS) Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Majlis penutupan kursus dan penyampaian sijil penyertaan disempurnakan oleh Timbalan Pengarah KML Haji Mohd Shaari Azyze Mohd Salleh Azyze.



MOHD Shaari (empat kiri) dan Ferlis (lima kanan) bersama peserta Kursus Pengenalan Program SPSS di Kolej Matrikulasi Labuan